



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

SIARAN MEDIA

PROGRAM VAKSINASI BARISAN HADAPAN INDUSTRI AGROMAKANAN (AiVAC) SOKONG USAHA KERAJAAN CAPAI IMUNITI KELOMPOK

ALOR SETAR, 21 Ogos 2021- Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) bagi kawasan pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dilancarkan hari ini dengan menasasarkan 7,500 orang peladang.

Timbalan Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd, hari ini mengetuai pasukan Program Outreach Vaksinasi dianjurkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi agensi MADA turun padang bagi melihat sendiri pelaksanaan projek rintis melibatkan seramai 1,000 orang peladang di Kawasan MADA.

Kerajaan telah meletakkan sektor pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya sebagai salah satu perkhidmatan perlu (*essential services*) yang dibenarkan untuk beroperasi sepanjang masa tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pelaksanaan AiVAC adalah sebagai langkah pencegahan awal dalam mengurangkan risiko keberjangkitan dalam kalangan pekerja industri agromakanan bagi menjamin kelangsungan rantaian bekalan makanan negara dan seterusnya merencanakan semula sektor agromakanan yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan.

Secara keseluruhannya Program AiVAC akan melibatkan dua kategori iaitu Kumpulan Sasar Utama dan Kumpulan Sasar Pemain Industri Terpilih. Kumpulan Sasar Utama program AiVAC adalah seramai 420,000 orang yang terdiri daripada pesawah, petani, penternak, nelayan, dan pengusaha industri agromakanan kecil-kecilan warganegara Malaysia. Manakala Kumpulan Sasar Pemain Industri Terpilih akan melibatkan 100,000 orang pekerja di syarikat dan persatuan dalam sektor agromakanan yang berdaftar dengan MAFI.

Bagi Kumpulan Sasar Utama, pemberian vaksin akan dilaksanakan menerusi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Awam PICK manakala bagi Kumpulan Sasar Pemain Industri Terpilih, pemberian vaksin akan dibuat menerusi pembukaan PPV Industri (PPVIN) dan PPV Bergerak (PPV Mobile).

Pelaksanaan Program AiVAC akan turut melibatkan seluruh Jabatan dan Agensi di bawah MAFI sebagai tanda sokongan kepada kempen PICK dan Pelan Pemulihan Negara. MAFI menetapkan sasaran dalam tempoh tiga bulan untuk menyelesaikan pelaksanaan program AiVAC selaras dengan usaha Kerajaan untuk mencapai imuniti kelompok dalam kalangan rakyat Malaysia dalam masa terdekat.

Program Outreach Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan yang diadakan di Kompleks Latihan MADA, Alor Serdang, Alor Setar ini turut dihadiri Pengerusi MADA, YB Ahmad Tarmizi Sulaiman dan pegawai kanan kementerian, jabatan dan agensi dibawah MAFI.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

21 OGOS 2021